

Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA)

# Pelan perlindungan pembiayaan perumahan kakitangan awam



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa Life Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)). | Ahli PIDM

# Miliki kediaman untuk anda dan orang yang tersayang

Membeli rumah bukan sesuatu yang mudah terutama dengan kenaikan harga rumah. Selain itu, mendapatkan pinjaman kewangan adalah semakin sukar. Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA) membantu anda menyelesaikan baki jumlah pinjaman perumahan sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK).

## Ciri-ciri Utama

<b>Tempoh Perlindungan</b>	Minimum: 1 tahun Maksimum: 40 tahun (termasuk tempoh tertangguh) atau mencapai umur 90 tahun, yang mana terdahulu
<b>Jumlah Pinjaman</b>	Jumlah pinjaman melebihi RM750,000 adalah tertakluk pada pengunderaitan
<b>Tempoh Tertangguh</b>	0-5 tahun

Kakitangan awam yang mengambil cuti tanpa gaji layak untuk tempoh tertangguh sehingga 5 tahun, tertakluk pada syarat-syarat yang berikut:

- Orang Diinsuranskan yang melanjutkan pelajaran; atau
- Orang Diinsuranskan yang menemani pasangan yang melanjutkan pelajaran; atau
- Orang Diinsuranskan menemani pasangan yang bekerja dengan kerajaan di luar negara; atau
- Orang Diinsuranskan yang mengambil cuti tanpa gaji untuk menjaga anak-anak dalam tempoh kurang daripada 1 tahun selepas cuti bersalin tamat.

### Nota:

- Tertakluk pada kes tanpa pembiayaan.
- Untuk maklumat lanjut tentang manfaat, sila rujuk kepada Sijil Insurans.

## Kelayakan

---

**Umur Kemasukan  
Orang Diinsuranskan\*** Umur minimum: 18 tahun  
Umur maksimum: 70 tahun

**Umur Tamat Tempoh\*** Umur maksimum: 90 tahun

---

*\*Umur Hari Jadi Terdekat*

*Hanya layak untuk pemohon Skim Pembiayaan Perumahan Kerajaan (LPPSA) sahaja.*

## Manfaat

---

**Manfaat  
Kematian** Sekiranya Orang Diinsuranskan meninggal dunia semasa tempoh perlindungan, jumlah diinsuranskan berkurangan akan dibayar.

---

**Manfaat  
Hilang Upaya  
Menyeluruh dan  
Kekal (HUMK)** Sekiranya HUMK berlaku sebelum umur 70 tahun, manfaat ini yang merupakan pendahuluan bagi manfaat Kematian, akan dibayar seperti berikut:

- 100% daripada jumlah diinsuranskan berkurangan akan dibayar selepas 6 bulan dari tarikh hilang upaya, tertakluk pada kelulusan tuntutan, sehingga maksimum RM1 juta.
- Baki (jika ada, sehingga RM1 juta) akan dibayar 1 tahun dari tarikh bayaran pertama. Sekiranya berlaku kematian, baki manfaat akan dibayar sekaligus dan kontrak akan ditamatkan.

## Pengecualian MRTA

---

Kami tidak akan membayar manfaat ini sekiranya ia berlaku disebabkan oleh:

### **Kematian**

Sekiranya orang diinsuranskan membunuh diri dalam tempoh 12 bulan pertama dari tarikh permulaan, semasa waras atau tidak waras, jumlah premium yang dibayar akan dikembalikan.

### **HUMK**

1. Keadaan pra-wujud, kecuali orang diinsuranskan yang terjejas dengan keadaan ini telah diinsuranskan di bawah sijil insurans ini selama lebih daripada 1 tahun dari tarikh permulaan;
2. Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras;
3. Kecederaan atau penghospitalan di bawah pengaruh sebarang alkohol, narkotik atau dadah;
4. Memasuki, mengendalikan, atau memberikan perkhidmatan menaiki atau menuruni, dari atau dengan mana-mana peranti atau pengangkutan udara kecuali ketika orang diinsuranskan berada di dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial pada perjalanan penumpang berjadual teratur menggunakan laluan penumpang yang ditetapkan;
5. Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah, rusuhan, kekecohan awam, penderhakaan tentera, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau apa-apa operasi perang, tindakan musuh luar, apa-apa tindakan keganasan dan perang kimia; atau
6. Penglibatan dalam apa-apa sukan dan hobi yang berbahaya seperti perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki), terbang luncur, belayar atau hobi lain yang sama-sama berbahaya dan berisiko melainkan premium risiko sukan telah dibayar.

### **Nota:**

*Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Insurans untuk senarai penuh pengecualian.*

## Nota Penting MRTA

---

Anda perlu memahami pelan ini sepenuhnya bagi memastikan ia menepati keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah sijil insurans ini mengikut kemampuan anda.

Semasa sijil insurans diserahkan, mencapai tempoh matang, atau tamat tempoh sijil insurans, semua manfaat di bawah pelan ini akan terbatal. Sekiranya anda menyerahkan sijil insurans selepas 1 tahun dari tarikh permulaan, kami akan membayar nilai serahan.

Anda mempunyai hak untuk mengembalikan sijil insurans ini bersama dengan arahan bertulis dalam tempoh 15 hari selepas sijil insurans diterima oleh anda, atau dalam tempoh 1 tahun dari tarikh permulaan sijil insurans, mana-mana yang terdahulu. Kami akan membatalkan perlindungan dan semua premium yang telah dibayar akan dibayar balik kepada anda, selepas ditolak sebarang kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung.

Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, sijil insurans ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada kami pada tarikh kami menerima sijil insurans ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika sijil insurans ini dihantar kepada kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika sijil insurans ini dihantar secara elektronik.

Sila pastikan anda merujuk kepada Ilustrasi Jualan berkaitan Sijil Insurans anda yang disediakan oleh Etiqa Life Insurance Berhad.

Risalah ini adalah untuk rujukan semata-mata dan tidak boleh dianggap sebagai kontrak.

Etiqa Life Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**Etiqua Online 1300 13 8888**  
**[www.etiqua.com.my](http://www.etiqua.com.my)**



**Etiqua Life Insurance Berhad** (201701025113)  
(Dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013  
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

**T** +603 2297 3888

**F** +603 2297 3800

**E** [info@etiqua.com.my](mailto:info@etiqua.com.my)

Hubungi kami di

   **Etiqua**  **myetiqua**